KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	24/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	26&27
JABATAN	:	SEDA			



KERJA-KERJA pemasangan panel solar di atas bumbung.

Solar Rakyat: Jimat elektrik, mesra alam

DALAM al-Quran dan hadis ada disebut betapa pentingnya manusia sebagai khalifah di muka bumi ini untuk menjaga alam sekitar dan mengekalkan kelestariannya.

Dalam zaman yang serba maju ini apa sahaja yang kita lakukan akan membabitkan penggunaan tenaga. Setiap tenaga yang diguna pasti akan memberi kesan kepada alam sekitar terutama yang membabitkan pelepasan gas karbon dioksida.

Kesan pelepasan gas ini yang berlebihan akan membawa kepada pemanasan global dan perubahan iklim dunia hingga memberi kesan besar kepada kehidupan manusia.

Dalam kehidupan seharian kita sudah tentu tenaga elektrik yang paling banyak diguna pakai sama ada untuk keperluan industri, pejabat mahupun rumah persendirian.

Kesan daripada penggunaan elektrik turut menyumbangkan kepada pelepasan karbon dioksida yang mengganggu gugat atmosfera kita.

Bagi menggalakkan rakyat daripada terlalu bergantung kepada tenaga elektrik konvensional yang dijana sama ada melalui empangan hidro, arang batu atau gas asli, kerajaan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli mengalakkan penggunaan tenaga solar. Ia melalui program permeteran tenaga bersih (NEM) untuk kegunaan domestik, industri dan bangunan kerajaan.

Melalui inisiatif NEM, lebihan tenaga solar yang dihasilkan akan disalurkan ke grid Tenaga Nasional Berhad (TMB) dan ia digunakan semula pada waktu malam atau ketika tiada sumber cahaya matahari.

Jumlah elektrik yang kita gunakan dari grid TNB akan ditolak dengan tenaga yang dihasilkan oleh solar, hasilnya bil TNB yang lebih rendah.

Salah satu syarikat yang bertanggungjawab menyediakan pemasangan solar di bawah program ini ini ialah Gading Kencana Sdn. Bhd. yang memiliki 27 tahun pengalaman dalam industri solar.

Pengarah Urusannya, Datuk Guntor Tobeng berkata, pada masa ini ramai yang keliru antara solar untuk pemanas air dan solar untuk jana elektrik bagi kegunaan rumah.



KEDUDUKAN *inverter*, meter solar dan meter TNB, yang mana tenaga solar yang berlebihan akan disalurkan ke grid TNB.

"Ada yang kata rumah mereka sudah ada panel solar, tetapi itu solar untuk pemanas air. Yang kerajaan promosi sekarang adalah solar *photovoltaic* (PV)," katanya.

Guntor berkata, melalui inisiatif NEM kerajaan menawarkan 500 megawatt (MW) tenaga solar untuk dimohon dengan pecahan kategori domestik dan kerajaan masing-masing 100 MW dan industri 300 MW.

Bagaimanapun kuota untuk industri sudah habis digunakan pakai ekoran kesedaran yang sangat tinggi bahawa menggunakan tenaga solar menjimatkan.

"Sektor komersial tahu dalam keadaan ekonomi yang sangat kompetitif mereka perlu berusaha menjimatkan kos. Oleh kerana solar boleh bantu mereka jimat kos, maka mereka berebut-rebut menggunakannya," katanya.

Menurut beliau, yang ada sekarang adalah NEM untuk rakyat juga dikenali sebagai Solar Rakyat dan NEM untuk kerajaan.

Bagaimanapun katanya, kesedaran untuk menggunakan tenaga solar dalam kalangan rakyat masih rendah. Ini mungkin kerana mereka kurang memahami kepentingannya dan fungsinya.

Katanya, solar ini adalah sokongan kepada tenaga elektrik sedia iaitu dari grid TNB yang mana ia membantu menjimatkan penggunaannya antara 10 hingga 90 peratus.

"Selalunya pelanggan saya yang pasang solar PV dapat jimat antara 50 hingga 60 peratus. Penjimatan ini bergantung kepada beberapa faktor termasuk cuaca dan lokasi," katanya.

Guntor menjelaskan, jika bil elektrik itu RM3,000 sebulan dan dia dapat jimat RM600 melalui solar PV, penjimatan adalah 20 peratus. Tetapi jika dapat jimat RM600 dari bil bulanan RM1,000 itu adalah 60 peratus.

Lagi satu kebaikan solar katanya, tidak akan berlaku

kenaikan tarif kerana ia cahaya matahari percuma. Walaupun tarif elektrik meningkat pada masa hadapan ia tidak memberi kesan besar kepada pengguna solar PV.

Yang paling penting katanya, menggunakan tenaga solar akan mengurangkan kesan pelepasan karbon dioksida terhadap alam sekitar.

"Solar ini antara peranannya adalah untuk kelestarian alam. Macam mana ia berfungsi? Apabila kita pasang solar PV atas bumbung dan kena cahaya matahari ia akan jana arus elektrik terus.

"Arus ini akan pergi ke *inverter* dan ditukar kepada arus elektrik untuk kegunaan harian, dan dari situ ia akan pergi ke papan litar untuk membekalkan elektrik kepada rumah kita.

"Pada waktu siang apabila berlaku lebihan tenaga yan dihasilkan oleh solar, ia akan dieksport ke grid TNB. Waktu malam atau apabila tiada cahaya matahari, ia akan diimport untuk diguna semula pada kadar yang sama.

"Tenaga yang dijana pada solar ini akan ditolak daripada meter TNB, yang mana kita hanya bayar jika ada perbezaan," jelasnya.

Guntor berkata, dahulu kerajaan tidak mengenakan had kepada mana-mana rumah yang mahu pasang solar PV. Sebab itu, orang yang ada kekuatan ekonomi mengambil peluang tersebut.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (SEDAR) ada menyediakan garis panduan mengenai pemasangan solar PV ini di bawah Solar Rakyat atau NEM Rakyat ini.

Kata Guntor, untuk jana 4kw ia memerlukan kawasan bumbung seluas 24 meter persegi dan kosnya mesti kurang daripada RM24,000 yang boleh dibayar melalui pakej tertentu.


"Untuk solar PV 4kw ia dapat mengurangkan karbon dioksida sebanyak 83 tan bersamaan dengan perjalanan menggunakan kereta sejauh 3,000 kilometer. Ia bersamaan 1,320 batang pokok," katanya.

Menurut beliau, Gading Kencana boleh membantu mereka yang berminat menyertai program Solar Rakyat terutama daripada segi pemasangan dan urusan pembiayaan.

Selain itu katanya, Gading Kencana menyediakan khidmat selepas pemasangan yang berterusan kerana mereka mempunyai tenaga mahir yang mencukupi dan berpengalaman termasuk bagi mencuci panel yang kotor dan kerja-kerja membaiki dan menggantikan peralatan yang rosak.

Katanya, ada yang merungut kos untuk pasang solar PV agak tinggi, namun untuk jangka panjang ia merupakan pelaburan yang menguntungkan.

"Daripada penjimatan tenaga elektrik setiap bulan dalam masa enam tahun ia sudah mampu mendapatkan semua modal pelaburan itu," jelasnya.




KERJA-KERJA pemasangan panel solar di atas bumbung rumah.



"Selalunya pelanggan saya yang pasang solar PV dapat jimat antara 50 hingga 60 peratus. Penjimatan ini bergantung kepada beberapa faktor termasuk cuaca dan lokasi"

GUNTOR TOBENG

UM, 24 Sept 2021_27



KAKITANGAN Gading Kencana melakukan kerja-kerja pemasangan panel solar di bawah program Solar Rakyat.